

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 27 Jun 2022	
1	Harga baharu ayam ambil kira kepentingan semua pihak - Rosol
2	Warga emas cedera ditanduk lembu
3	Beli lembu sado RM20,000 untuk ibadah korban
4	Anjing liar 'curi' kasut , selongkar sampah
5	Tidak sampai RM15 sekilogram
6	Rumput napier tambah pendapatan
7	-Harga siling ayam dijamin tak lebih RM15 sekilogram -Penternak perlu akur keputusan kerajaan

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Harga baharu ayam ambil kira kepentingan semua pihak – Rosol

KUALA BERANG - Harga maksimum baharu ayam yang diumumkan pada Isnin, telah mengambil kira kepentingan pengguna dan golongan peniaga

secara seimbang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, meskipun terdapat kemungkinan berlaku sedikit kenaikan, ia dilihat sebagai situasi menang-menang antara pengguna dan pemain industri ternakan.

"KPDNHEP melalui anggota penguatkuasaannya sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan keberadaan bekalan dan kestabilan harga ayam di pasaran," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Imam Bilal Mukim Cawangan Hulu Terengganu Kali Ke-15 di sini pada Ahad.

Menurut Rosol, pihaknya juga sedang menjalankan siasatan berhubung se-

gelintir penternak, pemborong dan peruncit mengenakan caj tambahan termasuk, upah tangkap, upah potong dan kos plastik sehingga membebankan pengguna.

Katanya, pihak berkenaan mendakwa terpaksa mengenakan caj tambahan itu bagi memastikan kelangsungan perniagaan disebabkan pelbagai kos lain yang terpaksa ditampung pada masa ini.

"Bagaimanapun kita akan siasat lebih lanjut dan tengok daripada beberapa sudut untuk pastikan kebenaran dakwaan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Rosol berkata, pihaknya juga sedia maklum dengan kurang-



ROSOL

an minyak peket satu kilogram (kg) di pasaran dan KPDNHEP telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menambah kuota minyak peket tersebut bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Sekarang ini kerajaan bekalkan 60,000 tan minyak masak bersubsidi sebulan dan kita minta tambahan lagi 10,000 tan sebulan untuk atasi masa-

lah rakyat.

"Bagaimanapun ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara. Kita harap Kementerian Kewangan akan lihat dengan terperinci permohonan berkenaan," katanya. - Bernama

Laporan muka depan Sinar Ahad.



Warga emas cedera ditanduk lembu

Kejadian berlaku ketika mangsa sedang berdiri depan rumah

KUALA LUMPUR

Seorang lelaki warga emas cedera ditanduk seekor lembu di hadapan rumahnya di Bandar Menjalara, Kepong di sini pada Jumaat.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Beh Eng Lai berkata, polis menerima laporan daripada anak perempuan mangsa pada jam 11.25 pagi Sabtu.

"Dalam kejadian pada jam 10.15 pagi, mangsa berusia 81 tahun sedang berdiri di hadapan pagar rumah dan bersiap untuk keluar, sebelum melihat seekor lembu sedang berlari di taman perumahan itu.

"Tiba-tiba lembu tersebut berlari ke



Video tular memaparkan seorang lelaki cuba menambat lembu pada tiang elektrik.

arah mangsa dan menanduk perut mangsa sehingga menyebabkan dia terjatuh," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut Eng Lai, akibat kejadian itu, mangsa mengalami retak tulang belakang dan sakit pada belakang bahu.

"Mangsa kini sedang menerima rawatan di sebuah hospital," katanya.

Beliau berkata, hasil semakan mendapati, terdapat satu video tular di media sosial berkaitan kejadian lembu yang terlepas di kawasan berhampiran Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) arah Sungai Buloh.

"Kelindan sebuah lori yang dirakamkan dalam video tular itu bukan pemilik lembu, sebaliknya dia hanya menolong untuk menangkap dan menambat lembu

itu pada tiang elektrik di tepi MRR2.

"Namun, disebabkan lembu tersebut bertindak agresif, ia terlepas dan lari semula ke arah jalan menuju Sungai Buloh," jelasnya.

Eng Lai memberitahu, hasil siasatan lanjut pihak polis mendapati satu laporan polis telah dibuat oleh pengerusi sebuah masjid di Kampung Selayang Lama pada Jumaat.

"Lembu yang dalam proses ditambat di kawasan masjid itu terlepas lari. Lembu itu telah disedekahkan oleh orang awam untuk tujuan ibadah korban," katanya.

Beliau berkata, polis percaya lembu yang terlepas lari dari masjid itu adalah haiwan sama yang telah menanduk dan menyebabkan kecederaan kepada lelaki warga emas tersebut.

Pasangan suami isteri
sepakat pilih lembu
baka *Charolais* dari
Perancis

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
TEMERLOH

Seorang guru di sini sanggup menghabiskan RM20,000 untuk mendapatkan seekor lembu sado jantan seberat hampir 1,000 kilogram (kg) sempena sambutan Hari Raya Korban tahun ini.

Azura Ilyani Alias, 38, yang juga seorang usahawan memberitahu, tahun ini beliau ingin mencari kelainan untuk sambutan korban.

"Saya berbincang bersama suami dan dia menyokong pilihan untuk membeli lembu sado kali ini."

"Lembu baka *Charolais* dari Perancis ini akan dikorbankan di Masjid Makmur Kampung Losong Dato Amar di Kuala Terengganu pada sambutan hari raya kedua Aidiladha nanti," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.



AZURA ILYANI



MAT

Beliau ditemui bersama suaminya, Roslan Basri, 46, di Sungai Kepong dekat Lanchang di sini. Ujarnya, peluang untuk beraya dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memilih lembu terbaik bagi sambutan selain memeriahkan korban di kampung kelahirannya.

Sementara itu pemilik lembu, Mat Abdul Wahid, 42, memberitahu walaupun sayang terhadap lembu yang diberikan nama 'Boy' itu namun kekangan kos khususnya makanan yang semakin tinggi menyebabkan dia melepaskan lembu berusia dua tahun sembilan bulan itu.

Beli lembu sado RM20,000 untuk ibadah korban



Azura Ilyani membeli lembu sado untuk sambutan korban di kampungnya di Kuala Terengganu.

"Saya berbincang bersama suami dan dia menyokong pilihan untuk membeli lembu sado kali ini."

- Azura Ilyani

"Kos makanan iaitu palet bersama rumput napier mencecah lebih RM15 sehari untuk Boy sahaja."

Jadi bila ada tawaran harga yang menarik ini saya lepaskan walaupun sayang sebab pelihara sejak lahir lagi selain manja dengan saya," ujarnya. Tambahnya, untuk sambutan korban kali ini, sebanyak 10 ekor lembu termasuk Boy sudah ditempah pelangan.

"Syukur memang tahun ini rezeki untuk saya selepas beberapa tahun terjejas akibat pandemik Covid-19," katanya yang lebih 10 tahun terabit dalam aktiviti ternakan tersebut.



Mat bersama lembu sado, Boy dengan berat mencecah hampir 1,000 kilogram yang dibela sejak lahir.

Anjing liar 'curi' kasut, selongkar sampah

BEBERAPA kumpulan anjing liar yang sering berkeliaran di Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam menimbulkan perasaan kurang senang penduduk.

Anjing-anjing tersebut juga dilihat lebih aktif pada waktu malam dengan mengoyakkan plastik sampah dalam tong sampah yang mengakibatkan sampah bertaburan, menyebabkan kerja-kerja pembersihan sukar dilakukan.

Tidak cukup dengan itu, terdapat penduduk mengadu kehilangan harta benda seperti kasut dan selipar yang diletakkan di luar rumah akibat digonggong haiwan liar itu.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) disarankan agar mengambil tindakan sewajarnya untuk menangkap anjing-anjing tersebut bagi menjaga keharmonian penduduk di sini. - *Saiful Md Shah*

Kalau ayam dijual mahal, peniaga bimbang tidak laku

Tidak sampai RM15 sekilogram

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamula.com.my

HULU TERENGGANU: Kerajaan memberi jaminan harga siling ayam segar baharu yang akan mula berkuat kuasa pada 1 Julai ini tidak akan mencecah RM15 sekilogram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, penetapan harga siling baharu itu dibuat berdasarkan prinsip 'menang-menang' bagi pihak pengguna dan pemain industri ayam.

Beliau berkata, harga ayam yang dicadangkan oleh pemain industri sekiranya sistem pengapungan dilaksanakan antara RM11 hingga RM15 sekilogram.

"Begitupun, berdasarkan konsep penawaran dan permintaan, kalau jual mahal sangat, barang (ayam) itu mungkin tidak laku.

"Sehubungan itu, saya boleh beri jaminan harga (siling baharu) ayam tidak akan sampai RM15 sekilogram," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



KERAJAAN memberi jaminan harga siling ayam tidak akan mencecah RM15 sekilogram.

tika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Imam dan Bilal Masjid-Masjid Mukim Hulu Terengganu di sini,

semalam.

Rosol yang juga ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, berdasarkan advokasi dengan

pemain industri baru-baru ini, harga siling baharu ayam diramal berada di bawah RM11 sekilogram. Beliau berkata, ke-

naikan harga siling baharu itu tidak dapat dielakkan berbanding harga siling lama, RM8.90 sekilogram berikutan pemain industri tidak mampu lagi menanggung kos dedak, pengangkutan dan tukaran wang asing.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kerajaan memutuskan untuk menarik balik cadangan mengapungkan harga ayam sebelum ini setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

"Jadi, setelah dibincang secara insentif bersama menteri-menteri, ahli akademik dan masyarakat, maka kerajaan mencadangkan diadakan balik harga siling ayam," katanya.

Peniaga menjangkakan harga ayam boleh melonjak sehingga RM15 sekilogram selepas 1 Julai ini berikutan penamatan subsidi penternakan oleh kerajaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Jumaat lalu memutuskan tidak melaksanakan cadangan mengapung harga ayam sebaliknya meneruskan sistem harga siling.

Rumput napier tambah pendapatan

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID
utusannews@mediamula.com.my

JITRA: Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Seorang pemuda yang tidak mampu untuk menanggung kos kenaikan harga dedak, berusaha meningkatkan pengeluaran rumput napier di ladang miliknya sehingga berjaya meraih pula pendapatan tambahan setelah membekalkan makanan ternakan itu kepada penternak lain.

Mohd. Ismail Abd. Ghani, 27, dari Kampung Lahar Malau berkata, tanam rumput napier jenis pacion itu pada mulanya diusahakan seluas dua hektar untuk kegunaan lembu peliharaannya sejak Mac lalu.

Namun, katanya, setelah semakin mendapat permintaan penternak lain termasuk dari Perlis dan seluruh negeri ini, dia kini berupaya menjadikan pula tanaman itu sebagai sumber utama pendapatan yang mencecah sehingga lima angka.

"Ramai penternak mula membuat permintaan pada setiap hari tetapi saya terpaksa menolak kerana tidak mampu membekalkannya.

"Mereka berpuas hati dengan rumput napier apatah kaya dengan protein. Oleh itu tidak hairanlah ramai penternak sanggup datang ke sini untuk membelinya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bagi memudahkan pelanggan,



MOHD. Ismail Abd. Ghani (kanan) bersama pekerjaanya memotong rumput napier selepas mendapat pesanan daripada pelanggan yang memternak haiwan ruminan di Kampung Lahar Malau, Jitra, semalam. - UTUSAN/MOHD RIFAAT ABD HAMID.

dia menjual rumput napier tanpa dipotong pada harga 25 sen setiap sekilogram (kg), rumput segar pula pada harga 32 sen dan silaj 35 sen untuk 1 kg.

"Pada awalnya saya menghadapi dugaan paling besar apabila keseluruhan tanaman rumput ini musnah akibat serangan babi dan kera. "Kini seluruh kawasan tanaman rumput napier saya sukar di-

bolosi oleh babi dan kera selepas memasang pagar. Ini secara tidak langsung memberi pengajaran dan pengalaman bagi meneruskan tanaman ini yang mampu menjana pendapatan lumayan pada masa akan datang," katanya.

Permintaan sehingga 200 tan setiap bulan membangkitkan lagi semangat Mohd. Ismail untuk meluaskan lagi tanaman itu

Harga siling ayam dijamin tak lebih RM15 sekilogram

Kuala Berang: Kerajaan mem-berikan jaminan harga siling baharu ayam yang akan diumumkan ke-lak, tidak akan melebihi RM15 sekilogram seperti didakwa se-setengah pihak sebelum ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan pengguna dan kelangsungan pe-niaga secara seimbang dalam membuat penetapan harga itu.

Susulan itu, katanya, harga si-ling baharu itu kelak dilihat se-bagai situasi saling menguntungkan antara pengguna dan peng-gerak industri ternakan terba-bit.

"Memang akan berlaku sedikit peningkatan berbanding harga siling sebelum ini, iaitu RM8.90 sekilogram kerana kita menga-mbil kira lonjakan kos dialami penternak.

"Bagaimanapun, harga baharu kelak masih mampu dibeli peng-guna kerana jika mahal, sudah tentu permintaan berkurangan.

"Penggerak industri menyeda-ri hal ini dan bagi memastikan situasi saling menguntungkan, kerajaan akan memastikan har-ga siling ayam tidak membeban-


kan pengguna," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Iman dan Bilal Daerah Hulu Terengganu di sini, sema-lam.

Rosol berkata, KPDNHEP da-lam proses melengkapkan siasa-tan membabitkan isu caj sam-pingan seperti caj menangkap ayam di ladang, pemotongan dan sebagainya.

Menyentuh bekalan minyak masak paket satu kilogram, be-liau berkata, kuota ketika ini ialah 60,000 tan sebulan dan ke-rajaan menyedari permintaan se-makin meningkat susulan kenai-kan harga minyak masak botol antara RM7 hingga RM8 setiap kilogram.

"Kita sudah memohon kuota tambahan 10,000 tan daripada Ke-menterian Kewangan bagi me-menuhi keperluan, namun kepu-tusan bergantung kepada kemen-terian berkenaan," katanya.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna



Peniaga ayam melayan pelanggan di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Fathil Asri/BH)

Penternak perlu akur keputusan kerajaan

Kuala Lumpur: Persatuan pen-ternak perlu akur dengan harga siling ayam yang akan ditetap-kan kerajaan selepas ini, selepas memutuskan harga bahan men-tah itu tidak diapungkan.

Penasihat Persekutuan Persa-tuan Penternak Malaysia (FL-FAM), Datuk Jeffrey Ng, berkata penetapan harga, termasuk di ladang itu tertakluk kepada ke-putusan kerajaan.

"Kita tidak tahu lagi harga selepas ini kerana semuanya ter-takluk kepada kerajaan dan se-takat ini kami juga tidak di-maklumkan apa-apa lagi.

"Bagaimanapun, apa juga har-ga yang ditetapkan kerajaan, pi-hak kami dan kerajaan akan adakan perbincangan terlebih dahulu kerana mahu melihat ke-sesuaian.

"Cuma ketika ini, tiada lagi sebarang perbincangan dapat di-buat kerana kerajaan juga ma-sih tiada apa-apa keputusan la-gi," katanya kepada BH, sema-lam.

Jumaat lalu, kerajaan memu-tuskan harga ayam di pasaran negara tidak akan diapungkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dilaporkan berkata, harga siling baharu akan diumumkan dalam masa terdekat oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.